

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 APRIL 2016

## 'Tindakan Dr M langkah terbaik'

BH - 2/4/2016

**Peletakan** jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi PROTON Holdings Bhd dan Pengerusi Group Lotus Plc serta beberapa jawatan lain, menunjukkan bekas Perdana Menteri itu memahami isyarat beliau tidak lagi bersama mendukung dasar kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata langkah terbaik bagi Dr Mahathir ialah meninggalkan badan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Tentu sukar pihak kerajaan jika seseorang yang tidak bersama dengan dasar kerajaan dan pada waktu yang sama memegang pelbagai jawatan

dalam badan dan GLC walaupun hanya sebagai penasihat," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, walaupun PROTON bukan syarikat kerajaan, ia mempunyai hubungan dengan Dasar Automatif Negara dan tentunya memerlukan beberapa sokongan teknikal dan kewangan daripada pihak kerajaan.

Mengenai kedudukan Dr Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana, Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO menjalankan tugas Timbalan Presiden, berkata setakat ini tiada desakan supaya bekas Perdana Menteri itu me-

ngikuti langkah yang sama.

Kelmarin, Dr Mahathir turut melepaskan jawatan sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP), selain penasihat Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Lembaga Pembangunan Pulau Tioman (TIDA).

### Selamatkan maruah

Di **Kuala Lumpur**, Setiausaha Agung Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub, berkata Dr Mahathir juga perlu melepaskan jawatan Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana jika mahu menyelamatkan maruahnya sebagai bekas Perdana Menteri berikutan lantang

menghentam dan mengkritik Datuk Seri Najib Razak.

Sambil menegaskan Dr Mahathir hanya boleh kekal di yayasan berkenaan jika organisasi itu tidak lagi ada kaitan dengan GLC, beliau menyifatkan tindakan bekas Perdana Menteri berundur dari PROTON, LADA, TIDA dan UTP sedikit terlewat selepas digurukan daripada PETRONAS.

"Sepatutnya beliau dari awal lagi mengundur diri dari syarikat GLC dan semua badan yang ada kaitan dengan GLC dan kerajaan sebelum mengkritik kerajaan. Dengan cara itu dia akan dapat menyelamatkan maruahnya," katanya.